



PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Office of the Director General of Education Malaysia
PARAS 7 BLOK J PUSAT BANDAR DAMANSARA
Level 7 Block J Damansara Town Centre
50604 KUALA LUMPUR

Tel: 03-2098 3120
Fax: 03-2093 5150
Laman web: <http://www.moe.gov.my>

KP(PPK)018/7/4 SJ.13 Jld.2 (92)
6 September 2004

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

Y. Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**KEBENARAN MEREPLIKASI CD-ROM TEACHING COURSEWARE
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya Minit Mesyuarat Jawatankuasa Induk Program Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) Bil. 9/2004 dan Bil. 10/2004 mengenai perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pelajaran telah bersetuju membenarkan pihak sekolah mereplikasi CD-ROM *Teaching Courseware* yang dibekalkan bagi Program Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik di dalam Bahasa Inggeris. Bahan CD-ROM tersebut hanya boleh digunakan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah sahaja dan tidak boleh digunakan untuk tujuan selain daripada yang tersebut di atas.
3. Proses replikasi hanya boleh dijalankan sama ada di sekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Pejabat Pelajaran Daerah/Bahagian (PPD/PPB), Pusat Kegiatan Guru (PKG) atau Pusat Sumber Pendidikan Negeri (PSPN).
4. Pihak sekolah adalah diingatkan bahawa CD-ROM tersebut tidak boleh diberi atau dijual bagi apa maksud juga kepada pihak luar, termasuk ibu bapa dan pihak swasta. Sebarang penyalahgunaan atau kesalahan terhadap penyebaran CD-ROM tersebut boleh menyebabkan pihak Y. Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dikenakan tindakan undang-undang yang berkaitan dengan hak cipta.
5. Sekiranya pihak Y. Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan mempunyai sebarang kemusykilan mengenai perkara ini, sila berhubung dengan Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia (u.p. : En. Shamsul Bahri bin Baharudin, No. Tel: 03 – 6200 2363).
6. Sila maklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Bahagian/Daerah, Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

TAN SRI ABDUL RAFIE BIN MAHAT
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia

- s.k.
1. Y.B. Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein
Menteri Pelajaran Malaysia
 2. Y.B. Dato' Mahadzir bin Mohd Khir
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
 3. Y.B. Dato' Hon Choon Kim
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
 4. Y.B. Puan Komala Devi
Setiausaha Parlimen, Kementerian Pelajaran
 5. Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran
 6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran
 7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
 8. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pelajaran
 9. Ketua Jemaah Nazir Sekolah, Kementerian Pelajaran
 10. Pegawai Perhubungan Awam, Kementerian Pelajaran.